

SIMBANG PULAU CHRISTMAS
Christmas Island Frigatebird

FAMILI: Fregatidae
NAMA SAINTIFIK: *Fregata andrewsi*

CIRI-CIRI

Spesies ini mempunyai bentuk paruh yang agak unik iaitu lurus dan hujungnya berbentuk seperti cangkuk. Keseluruhan bulunya berwarna hitam dengan tompok merah di bawah paruh. Individu jantan boleh dikenali melalui tompok putih yang terdapat pada perut manakala individu betina mempunyai bahagian bawah badan yang berwarna putih dengan bahagian tekak yang berwarna hitam. Panjang keseluruhan bagi spesies ini ialah antara 92 sm-102 sm.

TABURAN

Spesies ini boleh ditemui dan membiak di Pulau Christmas. Semasa luar musim pembiakannya, spesies ini boleh ditemui di perairan Sunda, Sri Lanka dan Pulau Andaman. Di Asia Tenggara, spesies ini merupakan spesies yang ditemui di luar musim pembiakannya tetapi agak jarang iaitu di selatan Thailand dan Semenanjung Malaysia. Selain daripada perairan, spesies ini juga boleh ditemui di kawasan daratan yang jauh dari laut.

MAKANAN

Diet bagi burung simbang terdiri daripada ikan, sotong, telur dan anak-anak burung laut yang lain serta anak penyu.

HABITAT

Habitat yang sesuai bagi spesies ini ialah di laut terbuka dan pulau-pulau kecil.

STATUS

Akta 76/72, dipelindungi sepenuhnya. IUCN, sangat terancam. CITES, appendiks 1.